

“sumber rujukan penjanaan wang secara online”

# WangCyber

Bil : #1, May 2006

.com | e-zine

113049202

## USAHAWAN INTERNET ...adakah anda layak?

8 Teknik Menarik Pelawat  
Ke Website Anda

Buat Duit Melalui Internet

Motivasi Diri

- Sejauh mana kepentingannya?

Ragam Bisnes!

- Jom bisnes!!.. tapi nak bisnes apa?

Apa itu spam?

Kenali ciri-ciri spam dan ketahui  
bagaimana menghindarinya.

Temubual Eksklusif bersama

- “Saifulsham.com”

## ISI KANDUNGAN

## Isu Kali Ini.. MEI 06

- #3... 8 Teknik Menarik Pelawat ke Webite Anda
- #4... Ragam Bisnes  
- Jom Bisnes
- #5... Buat Duit Melalui Internet
- #7... Apa itu Spam?
- #8... Bagaimana Mengelak Spam?
- #9... Membina Motivasi Diri Untuk Berjaya
- #12.. Usahawan Internet..  
adakah anda layak?
- #14...Temubual Eksklusif Bersama  
-Saifulsham.com

Assalamualaikum dan salam sejahtera..

Syukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurniaNya, setelah berhempas pulas beberapa minggu dan bulan, akhirnya penerbitan isu pertama wangcyber.com ezine ini dapat juga direalisasikan.

Terima kasih kepada krew-krew wangcyber yang terlibat dalam penerbitan sulung ini. Bakti dan jasa yang anda sumbangkan terlalu besar dan tidak mampu untuk dibalas dengan ucapan terima kasih.

Pada isu yang pertama ini, wangcyber.com ezine (WCzine) cuba menampilkan dan memperkatakan mengenai perkara-perkara asas di dalam dunia perniagaan internet. Tujuan keluaran pertama ini adalah lebih kepada tujuan pengenalan kepada masyarakat umum di malaysia mengenai kewujudan satu industri baru yang pada masa kini sedang hangat diperkatakan dan sedang berkembang pesat, iaitu "industri perniagaan internet".

Ya, industri perniagaan internet di malaysia masih baru. Terlalu banyak ruang yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Namun begitu, baru-baru ini, kita dapat melihat, industri ini agak sedikit tercalar disebabkan kewujudan sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil kesempatan di dalam industri ini dengan menunjukkan kaedah yang salah kepada orang ramai dimana kaedah tersebut mampu memberi kesan yang buruk serta merosakkan perkembangan industri ini di Malaysia.

Oleh itu, diharapkan dengan penerbitan ezine ini, ia dapat serba sedikit memulihkan semula imej industri ini dan seterusnya membantu industri ini berkembang dengan suasana yang sihat dan positif.

Akhir kata, selamat membaca **WCzine** dan selamat maju jaya.

Salam cyber.

Mohd Suhaimy a.k.a shuth  
Editor WCzine  
[www.wangcyber.com](http://www.wangcyber.com)

## WangCyber Crew

**Editor**

Mohd Suhaimy (shuth)

**Penulis**

Tazilan Ibrahim (antzcomm)  
Mohd Sufian (mohdsufian)  
Mohd Suhaimy (shuth)  
Mohd Zulfadli (smartusaha)  
Mat Faudzei (hasrul)

**Reka Bentuk Grafik**

Mohd Suhaimy (shuth)

## SUMBANGAN

artikel & penulisan

Kami mengalu-alukan sumbangan artikel, berita serta apa sahaja bentuk penulisan dari anda untuk keluaran isu yang seterusnya. Setiap artikel yang tersiar akan dikreditkan kepada nama dan website anda. Segala sumbangan penulisan hendaklah dihantar kepada kami ke [admin@wangcyber.com](mailto:admin@wangcyber.com).



# 8

## teknik menarik pelawat ke website anda!

Oleh : Mohd Suhaimy Abu Bakar a.k.a shuth  
Web : [www.maskahwin.com](http://www.maskahwin.com)

SAYA SERINGKALI TERDENGAR KELUHAN RAKAN-RAKAN YANG BARU MENCEBURKAN DIRI DI DALAM DUNIA PERNIAGAAN INTERNET INI, MENGELUH MENGENAI MASALAH KESUKARAN MENDAPATKAN PELAWAT-PELAWAT KE WEBSITE MEREKA. OLEH ITU, PADA KALI INI, INGIN SAYA KONGSIKAN BERSAMA ANDA BEBERAPA TIPS YANG MUNGKIN BOLEH DIGUNA PAKAI DI DALAM USAHA ANDA MENARIK PELAWAT KE WEBSITE

### #1 // BERIKAN KANDUNGAN PERCUMA

Berikan maklumat serta kandungan percuma kepada pelawat-pelawat anda. Malah ia adalah lebih menarik jika kandungan website anda sentiasa dikemaskini dan asli. Berikan kebenaran kepada pelawat-pelawat anda jika mereka ingin menggunakan kandungan website anda untuk buku atau website mereka.

### #2 // TAWARKAN DIREKTORI PERCUMA

Anda mungkin boleh menawarkan direktori percuma yang mengandungi senarai link ke website-website lain bagi sesuatu topik seperti senarai website yang menyediakan muat turun lagu ataupun senarai website yang menyediakan permainan atas talian.

### #3 // HADIAHKAN EBOOK PERCUMA!

Ini adalah satu kaedah yang sungguh berkesan untuk menarik ramai orang ke website anda. Tiada siapa yang tidak mahu ebook free! Jika anda tidak berkesempatan untuk menulis, mungkin anda boleh meminta kebenaran dan meminjam artikel dari penulis lain.

### #4 // ANJURKAN KELAS ONLINE PERCUMA

Anda mungkin boleh menganjurkan kelas online ini dengan menggunakan "chat room" sebagai medium perantaraan anda. Dengan teknik ini, sudah pastinya anda akan dilihat sebagai seorang yang pakar di dalam bidang anda.

### #5 // ANJURKAN PERTANDINGAN

Hadiah yang ditawarkan perlulah sesuatu yang menarik dan bernilai bagi pelawat anda. Teknik ini akan membuatkan mereka selalu mengunjungi website anda untuk melihat perkembangan markah dan keputusan pertandingan yang mereka sertai.

### #6 // BERIKAN PERISIAN PERCUMA

Ia mungkin boleh jadi perisian percuma atau pun perisian perkongsian. Jika perisian tersebut dihasilkan oleh anda sendiri, pastikan anda meletakkan iklan website anda di perisian tersebut.

### #7 // SEDIAKAN KHIDMAT PERCUMA

Contohnya, pelawat-pelawat website anda boleh menghantar website mereka ke search engine melalui website anda. Apa-apa pun, ia perlulah sesuatu yang berguna untuk pelawat anda.

### #8 // KHIDMAT NASIHAT PERCUMA

Jika anda mempunyai pengetahuan yang luas di dalam sesuatu bidang, Anda mungkin boleh menawarkan khidmat nasihat percuma melalui email atau forum. Pelawat-pelawat anda pasti akan menghargai usaha anda dan menganggap ianya sesuatu yang sangat bernilai. Contohnya, jika anda seorang agen penulis wasiat, anda mungkin boleh memberikan khidmat nasihat percuma mengenai pembahagian harta pusaka kepada pelawat-pelawat website anda.

# JOM BISNES!!

Oleh : Tazilan Ibrahim a.k.a antzcomm

Web : [www.ideabisnesluarbiasa.com](http://www.ideabisnesluarbiasa.com)

Saya pasti, setiap orang kalau diberi pilihan tentu memilih untuk memiliki bisnes sendiri.

Semua orang tahu... kalau nak hidup senang, buatlah bisnes sendiri. Bila kita lihat orang yang senang hidupnya...kereta baru, rumah besar dan hidup mewah, kebanyakan mereka ini tentunya orang bisnes. Ajaran agama kita juga menjelaskan bahawa 9/10 punca rezeki di muka bumi Allah ini datangnya dari bisnes!

Namun adakah semudah itu untuk jalankan bisnes sendiri?

**“bisnes apa yang bagus yang boleh saya lakukan? Sejujurnya, saya tiada jawapan kepada persoalan seumpama itu.”**

Di sinilah bermulanya dilema yang akan melanda diri anda. Bersediakah saya? Cukupkah modal saya? Berapa lama saya boleh bertahan? Boleh untungkan? Dan yang paling ditakuti... bagaimana kalau bisnes saya 'lingkup'?

Inilah persoalan yang bermain di kepala setiap insan yang yang berkira-kira untuk menjalankan bisnes sendiri.

Saya sering menerima pertanyaan, bisnes apa yang bagus yang boleh saya lakukan? Sejujurnya, saya tiada jawapan kepada persoalan seumpama itu. Sebetulnya, jawapan ada pada diri anda sendiri. Hanya anda yang tahu bisnes yang serasi dengan diri anda!

Sebenarnya tidak susah untuk buat bisnes. Yang pentingnya, kenalpasti apa kebolehan, kemahiran ataupun pengetahuan anda miliki yang boleh menghasilkan pendapatan! Setiap orang pasti ada kelebihan tersendiri, maka gunakanlah kelebihan anda itu untuk mengukuhkan lagi ekonomi diri dan keluarga anda!

Ada orang pandai menjahit, maka dia boleh buat bisnes jahitan. Ada orang mahir dengan solekan, dia boleh buat bisnes andaman. Bagi yang pakar rekabentuk komputer, boleh buat bisnes reka bentuk laman web. Bagi guru atau siswazah yang ada kemahiran akademik, boleh buat kelas tuisyen, dan begitulah seterusnya.

Anda bekerja? Itu bukan alasan yang sesuai pada zaman ini. Kos hidup yang semakin meningkat menuntut kita mempunyai pendapatan tambahan. Buatlah bisnes sambilan! Gunakanlah masa yang terluang untuk bina rangkaian bisnes anda sendiri.

Sibuk dan tak ada masa? Meminjam kata Dr. Fadzilah Hj. Kamsah, “orang lain sibuk buat duit, kita pula sibuk bagi alasan!”.

Selain bisnes secara tradisi, anfaatkanlah kemudahan teknologi internet. Inilah platform untuk anda promosi dan kembangkan bisnes anda kepada berjuta-juta pengunjung internet setiap hari tanpa kos tinggi dan tak perlu berjumpa dengan ramai prospek setiap hari!

Nasihat saya, kenalpasti potensi bisnes dalam diri anda. Jangan berfikir negatif atau terlalu lama nescaya anda tidak akan kemana-mana. Jangan terlalu beratkan fikiran anda dengan perkara-perkara remeh, sebaliknya fokuskan bagaimana untuk menjadikan bisnes anda itu suatu entiti bisnes yang hebat dan yang penting, menghasilkan pendapatan!

Sebenarnya, ada banyak peluang bisnes terhampar di depan mata kita. Maka terpulanglah kepada ketajaman fikiran dan juga kecekapan kita melihat atau membongkar sesuatu peluang bisnes itu.

Rancanglah bisnes anda sendiri hari ini. Jangan bertanggung dan mulakan seberapa segera. Bak kata pepatah melayu, ‘kalau tak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya!’.

Kalau anda tak mulakan sekarang, sampai bila-bila pun anda tak akan ada bisnes sendiri. Cekalkan hati! Kuatkan semangat! Tetapkan azam! Inshaallah, anda akan beroleh kejayaan.

Wassalam.

# BUAT DUIT MELALUI INTERNET

Oleh : Mohd Sufian

Web : [www.passive-income-guide.com](http://www.passive-income-guide.com)

**“Bolehkah kita buat duit melalui internet?” Inilah persoalan yang seringkali di tanya oleh ramai rakyat Malaysia, sama ada oleh mereka yang baru hendak berjinak-jinak ingin mengenali dunia internet ataupun oleh mereka yang sudah lama mengenali internet dan menggunakannya semata-mata untuk ber”chating” dan bermain “games”.**

Kelahiran Internet telah membuka peluang baru dalam pelbagai urusan di dunia ini dan menjadi penyelesaian serta memudahkan kehidupan manusia. Masyarakat jaringan terbentuk di Malaysia kini hasil daripada inovasi Internet. Masyarakat jaringan ialah masyarakat yang berurusan melalui rangkaian online untuk urusan perkhidmatan, pembelian dan sosial. Urusan sebegini boleh dikendalikan dari rumah atau pejabat, atau tempat-tempat lain, asalkan ada hubungan Internet sama ada berwayar atau tanpa wayar.

Salah satu contoh organisasi yang menghasilkan pendapatan mereka melalui internet adalah BANK. Saya pasti anda juga menggunakan perkhidmatan ini seperti Maybank2u, Channel-e dan sebagainya. Mungkin anda akan mengatakan bank adalah satu organisasi yang besar dan mempunyai modal yang besar untuk menawarkan perkhidmatan mereka di internet. Lagipun bank menyediakan perkhidmatan ini secara percuma kepada pelanggan-pelanggan mereka.

Memang benar apa yang anda fikirkan, tidak saya nafikan. Tetapi internet merupakan satu medium yang boleh kita gunakan untuk memasarkan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Kaedah ini juga sama jika anda menggunakan perkhidmatan seperti media elektronik seperti TV dan juga radio atau media cetak seperti surat khabar dan majalah. Tujuannya adalah satu iaitu untuk memberitahu, menyebarkan dan memasarkan kepada pengguna tertentu tentang perkhidmatan yang anda tawarkan atau produk yang anda jual. Jadi beberapa aspek pemasaran perlu diambil kira. Dengan perkembangan dan pertambahan pengguna internet di Malaysia dan juga dunia ia merupakan satu peluang yang pastinya anda tidak mahu ketinggalan. Cuba kita ambil di Malaysia sahaja. Pengguna internet di Malaysia telah mencecah sehingga 10 juta orang. Bayangkan dari 10 juta orang ini hanya 1% sahaja yang akan menjadi pelanggan untuk produk atau perkhidmatan yang anda tawarkan.

Apabila anda memulakan perniagaan internet, ia merupakan Home Based Business atau perniagaan yang anda jalankan di rumah. Adakah anda ingin menghasilkan pendapatan anda dari home based business anda? Sudah pasti anda akan menjawab ya, bukan? Ramai orang yang memulakan perniagaan di internet dengan beberapa sebab termasuk ingin tinggal di rumah bersama anak-anak mereka, mendapatkan pendapatan tambahan bagi menampung kos kehidupan yang semakin tinggi. Dan ramai juga yang telah menghasilkan pendapatan yang lumayan dengan hanya menjalankan perniagaan mereka di rumah.

# BUAT DUIT MELALUI INTERNET

Oleh : Mohd Sufian

Web : [www.passive-income-guide.com](http://www.passive-income-guide.com)

Adakah anda tahu, sebenarnya anda boleh memulakan perniagaan anda di internet dengan modal yang teramat rendah. Ini bermakna anda boleh mulakan perniagaan anda di internet dan menghasilkan duit melalui internet. Apakah keperluan asas yang anda perlukan?

1. Web hosting untuk website
2. Website
3. Domain name
4. Produk atau perkhidmatan yang ingin anda jual. Jika tidak produk anda masih boleh memulakan perniagaan internet.
5. Pengetahuan tentang pemasaran di internet.

Apabila anda ingin memulakan perniagaan seperti ini perkara pertama sekali yang perlu anda lakukan ialah menyediakan perancangan perniagaan dan penyelidikan tentang peluang yang ada.

Melakukan keputusan yang baik dan berdasarkan kepada perancangan perniagaan yang anda lakukan akan lebih membantu anda ke arah kejayaan. Pada peringkat awal anda perlukan masa yang banyak dan tumpuan yang sepenuhnya perlu diberikan kepada perniagaan internet anda. Sama seperti perniagaan secara tradisional, apabila anda baru memulakan perniagaan, sudah semestinya anda perlu memberikan sepenuh tumpuan dan perhatian kepada perniagaan anda. Tidak kecuali juga kepada perniagaan internet, jika tidak, anda pasti gagal. Kejayaan tidak datang semalamam. Kejayaan dan pendapatan yang akan anda hasilkan daripada perniagaan internet anda adalah berdasarkan sebanyak mana usaha, masa dan kemahuan yang anda curahkan. Lagi banyak usaha yang anda curahkan, lagi banyak rezeki anda akan datang.

Bila anda merangka perancangan perniagaan anda anda perlu merangka perancangan jangka pendek dan perancangan jangka masa panjang. Tentukan bagaimanakah caranya anda akan merealisasikan semua perancangan yang telah anda sediakan. Tuliskan semuanya di dalam buku atau di atas kertas. Insya'allah, pasti anda akan berjaya. Affiliate program merupakan salah satu perniagaan internet yang begitu popular. Kerana apabila anda memulakan perniagaan internet, anda memerlukan produk atau perkhidmatan untuk dijual. Bagi yang tiada, itu tidak menjadi masalah kerana affiliate program boleh membantu anda.

Kita jumpa lagi...

# SPAM?



Oleh : Mohd Suhaimy Abu Bakar a.k.a shuth  
 Web : [www.sempoihosting.com](http://www.sempoihosting.com)

Pernahkah anda menerima email yang tidak diundang daripada orang yang tidak dikenali dimana kandungan email itu menyuruh anda membeli produk mereka seperti dadah, viagra, arak, menyertai website lucah, alat membesarkan payu dara dan alat sulit anda dan sebagainya.?

Agak menyusahkan dan menjengkelkan bukan? Anda terpaksa men"delete' kesemua email tersebut kerana ia memakan ruang akaun email anda dan sekaligus menyusahkan anda untuk menerima email-email yang penting dari rakan atau pelanggan anda.

Jika anda ingin tahu... itulah yang dinamakan email spam.

**Email yang tidak diundang + dihantar secara pukal = spam**

Spam sebenarnya adalah merupakan satu kaedah penghantaran email yang tidak diundang dari satu pihak kepada orang lain secara pukal (bulk). Pada kebiasaannya, tujuan pihak yang membuat spam ini adalah ingin menyuruh anda menghantar wang anda kepada mereka. (Beli barang mereka ler..).

Oleh itu, jika anda menerima email dari saudara/makcik atau rakan anda secara tiba-tiba yang sudah agak lama tidak berhubung. Itu bukan lah spam. Walaupun email itu tidak diundang oleh anda, tetapi ia tidak dihantar secara pukal, ia hanya dihantar kepada anda sahaja untuk bertanya khabar.. dan itu bukanlah email spam. Email spam adalah email yang dihantar oleh orang yang anda tidak kenali dan email tersebut dihantar secara pukal (kepada ramai orang secara serentak)

Pada kebiasaannya, kita akan memadamkan sahaja email-email spam ini. Tetapi, tahukah anda? Jika anda berasa sangat tertekan, jelik dan bosan dengan email spam yang bertimbun-timbun yang anda terima di dalam email anda. Anda sebenarnya boleh mengambil tindakan dengan membuat laporan kepada pihak yang tertentu. Antara pihak yang boleh anda buat laporan mengenai spam ini adalah seperti di <http://www.spamcop.net>.

Antara barang-barang yang dijual menggunakan kaedah email spam ini adalah seperti:-

- Surat berantai, skim cepat kaya, skim piramid dan MLM
- Pasaran saham
- Pornografi & barangan sex
- Ubat-ubatan seperti viagra
- Tawaran pinjaman rumah
- Skim penghapusan hutang
- Penawaran ijazah dari kolej palsu
- Diskaun atau voucher percutian
- Pembekal komputer dan pencetak
- Perisian yang berjenama dengan harga yang murah giler..
- Dan lain-lain lagi.

Sejak kebelakangan ini, di Malaysia terdapat segolongan pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengamalkan email spam ini dan mengajarkannya kepada orang lain supaya mereka melakukannya. Tujuan mereka mengajar dan menggalakkan orang lain untuk melakukan spam ini adalah semata-mata hanya untuk melariskan produk mereka. Perkara ini serba sedikit telah memburukkan keadaan industri pemasaran internet di Malaysia dan ia bukanlah suatu perkembangan yang sihat. Buat masa ini, Malaysia sudah tersenarai sebagai salah sebuah negara yang mempunyai kes penipuan kad kredit tertinggi di internet. Perkara ini telah menyebabkan Malaysia disenarai hitamkan oleh beberapa gergasi perniagaan internet di luar negara dan ini sekaligus menyebabkan beberapa peluang penjana wang di internet ditutup bagi rakyat malaysia. Kini, dengan kewujudan sestengah pihak yang tidak bertanggungjawab yang menggalakkan kaedah "spam" ini pula, tidak mustahil Malaysia akan mendapat sebuah lagi gelaran baru sebagai salah sebuah negara yang mempunyai pengguna internet tidak beretika yang tertinggi kerana mengamalkan spam.

Oleh itu, jika anda pernah melakukan spam sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Maka, adalah elok untuk anda berhenti dari melakukannya. Tindakan ini penting untuk kita sama-sama menjaga imej negara di dalam memajukan industri perniagaan internet di Malaysia.

Sekian, wassalam.

# BAGAIMANA MENGELOK SPAM?

Oleh : Mohd Suhaimy Abu Bakar a.k.a shuth  
Web : [www.sempoihosting.com](http://www.sempoihosting.com)

Jika anda tidak pernah mendapat email yang pelik-pelik seperti email dari nigeria yang meminta anda memberikan akaun bank anda untuk mereka memin-dahkan wang sejumlah 40 juta ke akaun anda, atau email yang mengatakan anda telah memenangi loteri sebanyak 1 juta atau email yang menjemput anda untuk membuat iklan di dalam mailing list mereka yang mereka dakwa mempunyai sekitar 10 ribu alamat email... bersyukurlah, Email anda masih selamat dan belum lagi termasuk di dalam senarai email pihak-pihak pembuat SPAM.

Namun begitu, ia tidak menjamin email anda akan selamat buat selama-lamanya. Oleh itu, ketahuilah-beberapa langkah yang anda boleh lakukan bagi mengekalkan dan mengelakkan email anda daripada menjadi mangsa pihak pembuat SPAM.

## #1 : Gunakan Email Sampah.

Hasilkan satu alamat email menggunakan yahoo, hotmail dan sebagainya. Khaskan alamat email ini sebagai alamat email yang ingin anda gunakan untuk menyertai sesuatu program atau mailing list yang kurang penting bagi anda. Oleh itu, jika anda melihat email ini mula dipenuhi dengan email spam. Anda boleh menutupnya terus.

## #2 : “Stylo”kan email anda.

Apabila anda ingin menulis email anda dimana-mana website seperti di forum-forum atau mana-mana website orang lain. Janganlah menulis email anda secara terus seperti [ali@kedaimamak.com](mailto:ali@kedaimamak.com), tetapi tulislah seperti ini [ali\(at\)kedaimamak.com](mailto:ali(at)kedaimamak.com). Mengapa? Ini kerana pihak pembuat spam pada kebiasaannya akan menggunakan sejenis perisian yang dikenali sebagai spambot, dimana, spambot ini berfungsi untuk mengumpulkan sebanyak mungkin alamat email dari internet dengan merayap dari satu website ke satu website yang lain. Sewaktu aktiviti merayap itu, spambot ini akan mengenalpasti semua perkataan yang mengandungi format “text@text.com” didalam sesuatu website sebagai alamat email. Jest-eru itu, apabila terjumpa sahaja perkataan yang berformat sedemikian, maka ia akan mengetahui itu adalah alamat email dan akan mengambil serta menyimpannya ke dalam database mereka sebagai senarai mangsa-mangsa yang akan mereka spam pada masa akan datang.

## #3 : Tukarkan alamat email anda kepada format gambar.

Manusia boleh baca gambar yang mempunyai tulisan, tetapi spambot tidak. Oleh itu, teknik menukarkan email anda dari bentuk “text” kepada “image” adalah merupakan satu teknik yang amat berkesan buat masa ini. Contohnya adalah seperti berikut,

Sila emal ke [ali@mamak.com](mailto:ali@mamak.com)



format text



format gambar “.gif / .jpg”

## #4 : Gunakan JavaScript

Satu lagi teknik yang berkesan ialah dengan menulis email anda menggunakan skrip javascript, caranya adalah seperti berikut.

```
<SCRIPT TYPE="text/javascript">
<!--
emailE=('ali@' + mamak.com)
document.write('<A href="mailto:' + emailE + '">' +
emailE + '</a>')
//-->
</script>
```

```
<NOSCRIPT>
<em>Alamat Email Disorokkan oleh JavaSkrip.<BR>
Sila enablekan javascript di browser anda untuk meng-
hubunginya saya.</em>
</NOSCRIPT>
```

Dengan menggunakan teknik ini, spambot tidak akan dapat mengesan alamat email anda kerana alamat email anda telah dipisahkan menjadi dua, iaitu “ali@” dan juga “mamak.com”.

Ok, itu sahajalah tips yang dapat saya berikan buat kali ini. Insyallah saya akan berkongsi lebih banyak lagi tips dengan anda pada masa akan datang.

Bye..! (Sila baca seperti nada Sinchan)

# Membina Motivasi Diri Untuk Berjaya

Oleh: Mat Faudzei Mat Tahir

Web : [www.hasrul.com](http://www.hasrul.com)

Tentu anda pernah dengar dan selalu dengar perkataan motivasi. Kadangkala kita sekadar dengar sahaja tanpa menghiraukannya, 'masuk telinga kiri keluar telinga kanan'. Apakah makna motivasi? Motivasi atau dalam bahasa Inggeris disebut 'motivation' bermaksud dorongan, mendorong atau didorong. Secara spesifik motivasi bermaksud bergerak, penggerak atau digerak.

Sebelum kita pergi lebih jauh mari kita lihat apakah sebenarnya kuasa yang tersirat di sebalik perkataan motivasi ini. Biasanya orang menganggap bahawa motivasi ini hanya diperlukan oleh orang yang sedang ditimpa masalah dan pelajar-pelajar yang akan menghadapi peperiksaan sahaja. Tahukah anda, bahawa motivasi amat diperlukan oleh setiap manusia yang ingin berjaya dalam hidup, sama ada di alam persekolahan, pekerjaan, perniagaan, dan sebagainya. Sebagai contoh, katalah anda ingin menceburkan diri dalam perniagaan internet setelah melihat kejayaan Irfan Khairi, Sudah tentu anda menyangka bahawa ia amat mudah. Tetapi setelah beberapa bulan mencuba barulah anda tahu bahawa ia bukanlah semudah seperti yang anda sangka. Lantas apa yang bermain di fikiran anda. Mungkin "Oh! Ini bukan bidang aku" atau alasan yang paling mudah dan selalu kita dengar "Dia boleh lah, belajar kat luar negeri" dan berbagai-bagai alasan lagi untuk menyedapkan hati sendiri. Sebenarnya alasan tidak menjamin apa-apa. Sebaliknya tanamkan motivasi diri sejak awal lagi sebelum anda meletakkan harapan yang tinggi menggunung. Letakkan matlamat pelaburan anda ini sebagai pelaburan jangka panjang, bukan jangka pendek. Sentiasa memotivasikan diri anda agar tidak mudah menyerah kalah dan tanamkan tekad seperti "kalau dia boleh berjaya mengapa tidak aku?"

Tanpa motivasi manusia akan menjadi lemah, kurang bersemangat, kurang keyakinan diri dan pencapaiannya juga mendatar atau tiada apa-apa kejayaan dalam usahanya. Motivasi sebenarnya diperlukan setiap waktu, setiap hari, setiap bulan, setiap tahun hinggalah ke akhir hayat.

"Mempercayai diri anda lemah sebelum benar-benar terbukti diri anda lemah adalah kelemahan anda yang paling lemah"

Bagaimana motivasi ini dapat membantu saya? Asalnya saya juga tidak pernah ambil peduli tentang perkataan motivasi ini. Pada saya ia tidak membawa apa-apa maksud dan menganggap ia hanya sekadar teori penulisnya sahaja. Kursus-kursus motivasi yang dikendalikan oleh syarikat di tempat saya bekerja tiada maknanya bagi saya, sekadar hadir, esoknya pulang ke pejabat tetap macam dulu, begitu juga dengan kawan-kawan yang lain. Kemudian keadaan mula berubah sejak saya mengenali dan membaca buku-buku seorang motivator terkenal tanahair, barulah saya tersedar dari lamunan.

Betapa diri ini jauh ketinggalan dari segala aspek dan kerugian yang amat besar. Bermula dari situ saya terus membaca, membaca dan membaca serta mempraktikkan segala saranan dan ilmu pengetahuan dan ternyata 'penemuan' ini membuka lembaran baru buat saya dan betapa ia amat 'berharga' dan menjadi asas kepada kejayaan saya hari ini. Apa silap saya sebelum itu? Rupa-rupanya saya tidak memotivasikan diri saya untuk mengubah arah hidup. Motivasi secara tidak kita sedari mempunyai kuasa untuk mengembalikan kekuatan seseorang terhadap kebanyakan masalah hidup.

"Kehidupan ini tidak mempunyai sebarang makna sekiranya kita tidak mempunyai kekuatan untuk mencuba sesuatu"

Kepada mereka yang mengambil mudah perkataan motivasi sebelum ini cuba-cubalah berjinak-jinak dengan buku-buku ilmiah yang boleh membuka minda dan memotivasikan diri. Banyak buku-buku di pasaran sama ada di dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu.

Asalnya saya bekerja di sebuah syarikat korporat yang terkenal. Masalah dalaman syarikat memaksa syarikat menawarkan skim pemisahan sukarela (vss) kepada para pekerjanya. Saya salah seorang daripada pekerja tersebut. Saya bertekad untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan sepenuh masa dan tidak mahu makan gaji lagi. Mujurlah saya telah menyambung pelajaran dalam bidang teknologi maklumat sebelum itu. Saya pun terus mengambil kursus yang berkaitan dengan perniagaan yang hendak saya jalankan (perniagaan berkaitan teknologi maklumat) di samping belajar dengan rakan-rakan yang telah berjaya dalam bidang ini yang saya anggap mentor.

# Membina Motivasi Diri Untuk Berjaya

Oleh: Mat Faudzei Mat Tahir  
Web : [www.hasrul.com](http://www.hasrul.com)

Di samping itu saya juga mendapatkan nasihat dan bimbingan daripada beberapa tokoh perniagaan yang berjaya. Walaupun pada asalnya tahap keyakinan hanya 50/50 sahaja tetapi disebabkan keyakinan yang mengatakan saya akan berjaya lebih kuat, saya teruskan juga hasrat tersebut.

Tentu anda masih ingat kisah panglima tentera Islam Tariq bin Ziad ketika mengetuai armada perang Islam menentang tentera Rom dan menawan Kota Constantinapel. Pasukan tentera yang kecut dan kucar-kacir sebelum itu kerana melihat ramainya tentera Rom bertukar menjadi berani dan bersemangat setelah beliau membakar kesemua kapal perang yang mereka naiki di Laut Mediterranean.

Mereka sedar tidak ada jalan pulang untuk mereka selain menentang musuh di depan walaupun tentera musuh sepuluh kali ganda ramainya. Begitulah caranya bagaimana Tariq bin Ziad memotivasikan angkatan tenteranya untuk menghadapi musuh mereka.

“Seseorang yang mempunyai kepercayaan terhadap sesuatu perkara sudah cukup untuk menyamai kehebatan 99 orang yang hanya mempunyai minat”.

Berbalik kepada cerita saya tadi, setelah melepaskan pekerjaan lama, saya pun merangkak dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan.

“Merangkak tetapi sampai, lebih baik daripada berlari tetapi tumbang di tengah jalan”.

Walaupun belum mahir, saya bekerja keras untuk mempelajari selok-belok perniagaan tersebut dengan bantuan rakan-rakan yang saya anggap mentor tadi. Maklumlah, ekonomi pun sedang gawat. Jadi terpaksa berhemmas pulas untuk ‘survive’. Berkat usaha tanpa erti penat, alhamdulillah perniagaan yang saya jalankan berkembang dengan pesatnya.

“Memiliki kepintaran sahaja belumlah cukup, yang betul ialah memiliki kemahiran berfikir dengan kepintaran”

Di sinilah kuasa-kuasa motivasi itu muncul dari pembacaan dan saranan sebelum ini. Setelah menceburi bidang perniagaan ini barulah saya tahu betapa pentingnya kuasa motivasi ini sebagai penggerak untuk mencapai kemajuan di dalam perniagaan mahupun bidang-bidang yang lain yang membentuk dorongan di dalam diri.

“Benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau, jatuh ke darat menjadi bukit, tetapi tidak semua benih yang baik boleh tumbuh dan tidak semua benih yang buruk terus tidak tumbuh”

Tanpa adanya kuasa motivasi kita akan lemah, tidak bersemangat dan kurang keyakinan, sedangkan untuk menjadi seorang usahawan mestilah mempunyai tahap keyakinan yang tinggi, bersemangat, cergas dan rajin berusaha kerana di dalam bidang keusahawanan banyak onak dan ranjau yang perlu ditempuhi dan di hadapi.

“Untuk cemerlang memang banyak halangannya tetapi untuk tidak cemerlang pun apa kurangnya”

Dengan adanya kuasa motivasi ini saya masih lagi mengekalkan perniagaan ini dan semakin maju dari sehari ke sehari walaupun ramai dari kenalan saya yang kecundang.

Kalau anda sudah berjaya dengan perniagaan sedia ada, mengapa pula anda perlu beralih arah sebagai ‘internet marketer’ pula? Jawapannya mudah sahaja. Saya bukan beralih arah, tetapi saya dapat melihat peluang yang seluas-luasnya yang dapat dicapai melalui internet.

“Keupayaan mengenal pasti peluang, merebut dan menguasai peluang tersebut serta mempertahankannya adalah ‘seni’ yang tidak boleh tidak harus diberi perhatian oleh setiap individu yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan”.

# Membina Motivasi Diri Untuk Berjaya

Oleh: Mat Faudzei Mat Tahir  
Web : [www.hasrul.com](http://www.hasrul.com)

## Tips Membina Motivasi Diri

Kadangkala terasa hidup seperti tidak bererti atau bermaya. Mengapa ini berlaku? Ini bermakna kita telah kehilangan motivasi diri.

Mula-mula duduk sebentar. Tarik nafas panjang dan hembuskan. Pejam mata dan tenangkan diri kemudian bangkit dan cuba langkah-langkah berikut.

### 1. Perbaiki imej dan penampilan.

Jika dulu dengan imej yang lama, cuba beralih kepada penampilan diri yang baru. Perubahan kepada yang lebih positif.

### 2. Buat senaman ringan.

Kadangkala tubuh berasa lesu, apa kata lakukan sedikit senaman ringan dan gerakan tubuh. Tidak dapat dinafikan senaman bagus untuk pengaliran darah dan kecergasan tubuh badan. Jangan lupa senaman minda juga penting seperti membaca, bermain catur, bermain permainan komputer, dan sebagainya.

### 3. Senyuman.

Dalam mood yang tidak baik agak sukar melakukan senyuman. Senyuman itu menyenangkan, kerana kalau kita tersenyum pada seseorang, orang itu akan membalas balik senyuman. Di samping itu senyuman juga melatih otot-otot muka agar awet muda.

### 4. Fikiran positif.

Fikiran positif akan membuatkan perkara susah menjadi senang. Masalah menjadi peluang dan rezeki juga menjadi luas. Berfikiran positif akan melahirkan idea positif, maka lahirlah tindakan positif yang mana hasilnya kejayaan dan kecemerlangan.

### 5. Tidur yang cukup.

Runing dan marah disebabkan keletihan kerana tidak cukup rehat dan tidur yang cukup. Dapatkan tidur yang berkualiti. Masa tidur yang terbaik bagi saya ialah dari pukul 9.00/10.00 malam hingga 3.00 pagi.

### 6. Luahkan pada seseorang.

Luahkan pada sahabat baik, yang paling baik dengan anda. Sahabat kita ialah cermin keperibadian diri kita.

### 7. Tulis di atas kertas.

Tulis segalanya kemudian koyakkan, bakar atau hilangkan terus dari pandangan

### 8. Bersedia untuk berubah

Kuatkan tekad untuk berubah. Lakukan dengan sepenuh hati. Kejayaan berkait rapat dengan kesungguhan. Kesungguhan bermula dari hati yang bulat dan tekad serta padu.

### 9. Kegemaran baru

Bila terasa hidup kosong cari kegemaran baru. Kadangkala kegemaran baru ini boleh memberi ketenangan.

### 10. Bertegas dalam mengambil keputusan.

Teguh pada keputusan dan letakkan segala kepercayaan bahawa anda akan berjaya. Bertegas bukannya tidak boleh memanjakan diri, sebaliknya sekali-sekala manjakanlah diri anda.

# USAHAWAN INTERNET

## adakah anda layak?

Oleh: Mohd Zulfadli bin Suddin a.k.a smartzul

Web : [www.smartusaha.com](http://www.smartusaha.com)

Adakah Semua Orang Layak Menjadi Usahawan Internet?

Untuk menjawab soalan di atas, begitu mudah bagi saya samada mengatakan ya atau tidak. Tetapi, ia tidak memberi apa-apa kefahaman kepada anda dengan jawapan sebegini. Mungkin anda tertanya-tanya, adakah anda layak? Ada syarat ke? Adakah ada had umur, lokasi, jantina, bangsa atau agama untuk menceburi bidang ini? Jawapan kepada persoalan ini adalah seperti berikut. Anda perlu membaca tulisan saya ini sehingga akhir dan anda akan tahu apakah jawapannya kepada persoalan di atas. Di kesempatan ini, saya meletakkan tujuh perkara penting yang 'melayakkan' anda digelar usahawan internet!

### 7. Umur

Selagi anda mampu untuk menulis, membaca, bercakap, berfikir dengan baik, mampu membezakan yang baik dan yang buruk (di dalam Islam dikenal sebagai mumayyiz – syarat sah jual beli), boleh mengira dan berinteraksi dengan baik (tidak semestinya 'power'), anda boleh melakukan perniagaan internet. Seperti mana perniagaan konvensional, perniagaan internet juga memerlukan anda memiliki ciri-ciri yang saya nyatakan tersebut. Namun, jika anda masih di bawah umur (18 tahun ke bawah), anda tetap boleh melakukan perniagaan internet tetapi lakukan bersama dengan mereka yang sudah mencapai umur 18 tahun ke atas. Dalam maksud yang lain, berkongsi atau memberikan 'tugas' atau bahagian tertentu kepada mereka. Segala nama penerima bayaran dan sebagainya, menggunakan nama mereka. Ini adalah untuk kebaikan jangka masa panjang jika berlaku sesuatu yang tidak dijangka. Tambahan, sebahagian perkara di internet memerlukan anda berumur 18 tahun sepertimana terkandung di dalam syarat dan perjanjian (agreement). Namun, sepanjang pengetahuan saya, tidak ada had umur untuk anda melakukan perniagaan jenis ini, tetapi syarat yang terpenting adalah seperti yang saya sebutkan di awal tadi.

### 6. Lokasi

Di mana sahaja anda berada, samada di pedalaman atau di bandar, anda layak untuk menjadi usahawan internet! Hanya dengan satu syarat, anda perlulah mempunyai komputer atau alat yang boleh melayari internet dan juga semestinya memiliki talian internet. Dengan pelbagai teknologi sekarang seperti GPRS, 3G, dial-up dan broadband, anda mampu melakukan urusan di internet walau sedang bersarapan pagi di rumah! Tapi... Ya, saya pasti mungkin anda salah seorang yang hanya ada komputer tetapi tiada kemudahan internet, namun dengan tumbuhnya kedai-kedai komputer kafe siber, maka anda boleh melakukan perniagaan internet.

Yang penting, anda pandai menguruskan masa untuk menggunakan kemudahan tersebut. Selain daripada kafe siber, mungkin juga anda boleh meminjam (bagilah 'bayaran' sikit) dengan kawan, jiran ataupun saudara-mara. Pendek kata, nak seribu daya.

### 5. 'Peralatan'

Untuk melakukan perniagaan internet, anda memerlukan beberapa perkara asas seperti ruang storan di internet (hosting) untuk meletakkan laman web anda, nama domain (seperti smartusaha.com), perisian atau sistem (jika perlu), payment processor, komputer, talian internet dan sudah semestinya adalah peti surat elektronik anda iaitu emel. Di ruang yang terhad ini, tidak dapat diterangkan secara khusus bagi setiap satu, mungkin di edisi akan datang. Perkara-perkara asas tersebut amatlah perlu dimiliki sebagaimana perniagaan biasa anda memerlukan tapak jualan, nama perniagaan dan juga alamat beserta beberapa perkara lain. Semua di atas ada yang boleh didapatkan secara percuma ataupun membelinya jika anda benar-benar serius dengan perniagaan internet. Namun, anda juga perlu tahu, dengan hanya mempunyai sambungan ke internet dan tidak perlu memiliki laman web, anda juga boleh mejadi usahawan internet. Di edisi lain, kita akan mempelajari model-model perniagaan internet. Sekali lagi, jika anda ada perkara-perkara asas tersebut, anda layak untuk menjadi usahawan internet!

### 4. Produk

Inilah perkara yang paling penting untuk anda menjadi usahawan internet. Tanpa produk, tiadalah proses jual-beli. Tanpa jual-beli, tiadalah transaksi perniagaan di antara anda dan pelanggan. Sudah pasti juga, tiadalah pendapatan bukan? Persoalannya, adakah anda mampu menghasilkan produk sendiri?

# USAHAWAN INTERNET

adakah anda layak?

Oleh: Mohd Zulfadli bin Suddin  
a.k.a smartzul  
Web : [www.smartusaha.com](http://www.smartusaha.com)

Usah gusar, anda tidak memerlukan produk sendiri untuk berniaga di internet. Anda tetap boleh menghasilkan wang di internet dengan hanya menjual produk orang lain melalui konsep agen atau affiliate atau menggunakan model drop ship (kita akan bincang di edisi akan datang). Jika anda ada produk samada produk sendiri atau orang lain, anda sudah layak dan semakin hampir untuk menjadi usahawan internet!

### 3. Hukum, Etika dan Undang-undang

Dalam Islam, bahkan agama lain, etika amatlah dituntut. Agama menggariskan hukum, adab, etika dan peraturan agar manusia hidup aman dan jauh daripada perselisihan. Begitu juga diwujudkan undang-undang agar manusia tidak bebas melakukan sesuatu yang memudaratkan orang lain. Jika anda ingkar atau tidak mahu ber-etika di internet di dalam melakukan jual-beli anda sebenarnya bukanlah usahawan internet sejati. Sekali lagi, anda layak digelar usahawan internet jika anda seorang yang ber-etika dan tidak melakukan sesuatu yang salah di sisi agama dan undang-undang

### 2. Tahu apa itu bisnes

Kebanyakan orang salah sangka, bahkan paling teruk sudah menjadikan kepercayaan dalam dirinya bahawa, sesiapa sahaja yang menjana pendapatan di internet adalah usahawan. Adalah silap besar jika anda berpendirian seperti itu. Mungkin anda mengetahui program-program seperti melaburkan duit (skim cepat kaya/skim piramid/HYIP), melayari internet dan baca emel dapat duit bukan? Bahkan mungkin anda salah seorang yang menyertai program sebegini. Anda perlu tahu, itu adalah program, bukan perniagaan. Perniagaan adalah adanya transaksi jual beli dan juga adanya produk. Amat terbatas untuk membahas mengenai hal ini di sini. Cuma apa yang penting adalah, anda jangan mudah terpedaya dengan momokan atau tipu daya manusia yang ingin menarik anda ke lembah yang merugikan. Hati-hati dengan dakwaan mereka yang menyatakan mereka mempunyai peluang perniagaan internet untuk anda. Satu tips, jika mereka mengatakan anda akan jadi jutawan dengan cara mereka, atau buat duit yang banyak dalam waktu sekian-sekian jauhilah mereka dan selidikilah dahulu. Rujuklah mereka yang lebih mengetahui mengenai hal ehwal perniagaan internet agar anda termasuk ke dalam golongan yang selamat dan memahami apa itu bisnes. Sekali lagi, anda layak menjadi usahawan jika anda faham apa itu BISNES dan apa itu PROGRAM.

### 1. Anda tidak layak!!

Apa? Tak layak? Sengaja saya meletakkan tajuk kecil ini agar anda tersentak seketika. Jangan risau, anda layak menjadi usahawan internet jika anda mempunyai sifat-sifat seorang peniaga atau usahawan yang baik. Tidak kisahlah anda berniaga secara online ataupun secara biasa, anda tetap memerlukan SIFAT yang baik. Anda tetap memerlukan kerajinan, komitmen, pengurusan yang teratur, ada perancangan, ada matlamat, tidak cepat berputus-asa, cepat bertindak, kerja yang bersistematik, mengoptimalkan usaha dengan bantuan pelbagai teknologi atau 'tools', dan pelbagai lagi sifat dan ciri pada usahawan konvensional, itu juga perlu atau wajib ada pada usahawan internet. Jika anda tiada sifat-sifat tersebut, amat sukar untuk anda berjaya di dalam industri ini. Walaupun hanya menggunakan jari sahaja (mengetik tetikus dan kekunci komputer), namun melakukan perniagaan internet tanpa 'bantuan' sifat-sifat yang saya nyatakan tersebut, anda akan menempuh jalan yang sukar. Jadi, usahakanlah agar anda memiliki ciri-ciri tersebut agar anda layak bergelar usahawan internet yang sejati! Sebaliknya jika anda bersifat malas, mudah berputus-asa tidak merancang, tiada komitmen dan tidak serius, anda amat sukar untuk menjadi usahawan internet yang membuat duit dengan baik.

### Kesimpulan

Tujuh perkara yang saya nyatakan di atas adalah sebahagian penting yang perlu ada pada diri anda jika ingin menjadi usahawan internet yang sejati. Usahawan internet pada saya adalah, seorang yang benar-benar mempunyai ciri-ciri di atas. Namun bagaimana pula dengan mereka yang ada separuh daripadanya? Mereka juga adalah usahawan internet, namun mereka tergolong di dalam usahawan internet yang sedang sakit dan perlukan penawar agar menjadi usahawan internet yang sebenarnya. Saya sengaja menyusun turutan dari nombor 7 dahulu sehinggalah kepada perkara terakhir (no 1) agar anda membaca perkara-perkara yang 'mudah' dahulu sehinggalah satu demi satu saya meletakkan perkara yang 'berat-berat'.

Kesimpulan di sini, hanya platform dan teknik sahaja yang membezakan antara usahawan internet dan usahawan konvensional. Lain-lain aspek adalah sama sahaja. Tiada yang bezanya. Sebab itulah, jika anda seorang usahawan offline, anda boleh menjadi usahawan internet dengan hanya mempelajari platform dan teknik pemasaran gaya internet sahaja. Lain-lain sifat keusahawanan yang saya sebutkan di atas, usahawan konvensional sudah memilikinya. Akhir kata, dengan beberapa perkara di atas, anda sudah boleh jawab untuk diri anda sendiri, adakah anda layak menjadi usahawan internet dan yang sejati?

Jumpa lagi!

(syazwan&sabri)  
**SAIFULSHAM.COM**

Oleh: Mohd Zulfadli bin Suddin a.k.a smartzul  
 Web : [www.smartusaha.com](http://www.smartusaha.com)

Team SaifulSham yang terdiri daripada dua anak muda ini yang masih lagi berada di dunia pengajian universiti di dalam bidang kejuruteraan, Universiti Teknologi Petronas, telah berjaya mencapai pulangan yang membanggakan di dalam perniagaan mereka di internet sejak tahun 2003 lagi.

Satu temubual (secara online) telah dilakukan dengan Team SaifulSham.Com (Syazwan dan Sabri) baru-baru ini. Beberapa soalan telah diajukan yang mana berkisar kepada perniagaan internet dan juga kejayaan mereka sendiri. Mungkin anda yang sentiasa mengambil-tahu hal-ehwal industri perniagaan internet di Malaysia, mengenali mereka lebih-lebih lagi dengan terbitnya buku mereka yang pertama iaitu *Rahsia Buat Duit Dengan Internet*, terbitan PTS Professional.

Pelajari dari mereka melalui temubual ini beberapa perkara yang penting dan juga pesanan serta nasihat yang perlu diambil serius oleh sesiapa sahaja yang ingin melakukan perniagaan di internet. Mereka berkata berdasarkan kepada pengalaman mereka sejak mereka bermula lagi dan inilah kelebihan mereka, bercakap bukan berdasarkan teori, tetapi bercakap berdasarkan apa yang telah mereka lakukan dan lalui.

Soalan-soalan temubual yang sama telah dijawab oleh mereka berdua secara individu dari sudut pandangan mereka masing-masing. Jawapan atau respon mereka terhadap soalan yang diajukan adalah secara spontan dan santai, tiada bahasa atau jawapan yang statik ataupun kaku. Amat relaks dan ringan untuk sesiapa sahaja membaca jawapan mereka tersebut.

Adalah diharapkan dengan adanya temubual ini, ia akan menjadi suatu bonus atau add value kepada pembaca portal mereka (saifulsham.com), pembeli buku mereka dan juga tambahan kepada special report (Sejarah SaifulSham) mereka yang boleh didapati secara percuma di dalam Pakej Ebook Perniagaan Internet yang telah beredar di internet bermula bulan Mac 2006 yang lepas. Anda boleh memuat turun (download) ebook tersebut di <http://blog.smartusaha.com/download-ebook-percuma.html>

Anda masih mengikuti pengajian di IPT, jurusan apa yang diambil dan sekarang sedang berada di tahun ke berapa?

**Sabri:** Kejuruteraan Elektrik dan elektronik, tahun dua.

**Syazwan:** Saya menuntut dalam kejuruteraan Mekanikal, tahun sama dengan Sabri. Tahun dua.

Apakah cita-cita anda berdua setelah tamat belajar kelak?

**Sabri:** Masa di sekolah rendah dulu nak jadi lawyer, dah besar sikit nak jadi bisnesman, bila dah besar lagi, I want to realize my potential. Saya nak buat yang terbaik dan menggunakan kelebihan yang dianugerahkan kepada saya dengan sebaik mungkin. Panjang boraknya, tapi that's it. Bila dah besar ni saya macam dah tak percaya pada cita-cita, (berfalsafah la pulak, tp secara jujurnya, saya nak explore kebolehan saya dan kembangkan semaksimum mungkin).

**Syazwan:** Time kecik-kecik lagi saya sukakan dunia korporat. Minat itu timbul mungkin kerana saya memang dibesarkan dalam golongan keluarga peniaga. Jadi, mungkinla kot mempengaruhi cita-cita saya.

Dulu saya hanya memasang impian menjadi usahawan dan ahli korporat tetapi saya tak tahu ke mana hala tuju saya. Apa bidang yang sesuai untuk saya mencapai cita-cita saya. Tetapi selepas menceburi perniagaan internet dan juga sedang belajar bidang hartanah dari bapa saya, saya dah nampak halatuju saya nanti. Halatuju saya mungkin dalam perniagaan e-commerce dan berhasrat untuk mempunyai significant existance dalam bidang hartanah.

Ketiganya, saya masih sayangkan dunia kejuruteraan. Walau apa jua pun, kelak saya juga berharap bidang kejuruteraan adalah satu lagi bidang yang saya perlu berikan tumpuan. Ilmu kejuruteraan yang saya tuntut ini amat-amat berguna.

Sudah berapa lama saudara berdua (bersama-sama) telah bergiat aktif di dalam perniagaan internet ini? Bermula tahun bila dan merujuk kepada tahun pengajian di IPT?

**Sabri:** Sudah lebih dua tahun. Merujuk kepada tahun pengajian di UTP rumit sikit sebab UTP ni tak serupa universiti lain. Antara student pun quite confuse year berapa, terutama batch kami. Senang cakap sejak foundation, tahun 2003.

**Syazwan:** Tahun 2003. Senang citer, lepas SPM.

(syazwan&sabri)

# SAIFULSHAM.COM

Oleh: Mohd Zulfadli bin Suddin a.k.a smartzul  
 Web : [www.smartusaha.com](http://www.smartusaha.com)

**Apakah yang menyebabkan anda berdua melibatkan diri dengan bidang ini? Adakah di atas faktor minat (perniagaan) atau ada sebab lain?**

**Sabri:** Saya minat dgn internet dan teknologi ni. Tu minat yang paling utama. Lepas tu, duit adalah minat saya no. 2. (saper tak minat duit? hehe) So, macam semula jadi lah kan datangnya.

Tapi minat tu datang secara melimpah ruah setelah kami buat 1st sale kami di Ebay. (pasaran Malaysia). Dua tiga bulan selepas tu kami buat our first website sale. We are on a roll dan tak boleh stop dah. Starting dari hari itu, saya tahu, saya percaya, potensi internet sebagai satu arena perniagaan. Orang lain kata apa sajalah, tak boleh ubah pendirian saya, sebab saya dah alami sendiri. Internet adalah medium perniagaan yang sedang berkembang pesat.

**Syazwan:** Minat dalam bisnes adalah satu perkara. Dulu, saya asyik duk terfikir, saya minat bisnes tetapi saya tak tahu apakah bisnes yang sesuai untuk seorang pelajar seperti saya. Saya hanya memerhatikan senior-senior mempromosikan MLM (jualan langsung) di universiti, apa yang saya perhatikan, pelajar bukan golongan sesuai untuk bisnes itu.

Tetapi saya amat-amat berterima kasih kepada bapa saya, Wan Sukri. Beliau memang seorang bapa yang saya yang tahu kehendak remaja. Beliau tahu saya sukakan chatting, saya suka download2 lagu di internet.

Jadi, satu hari beliau menyarankan saya supaya gunakan internet untuk cari peluang bisnes. Saya yang memang minat bisnes akhirnya berjumpa Sabri untuk bersama-sama explore bidang baru ini.

**Adakah anda berdua mempunyai latar-belakang pendidikan IT (teknologi maklumat) samada formal atau tidak formal?**

**Sabri:** Saya tiada pendidikan IT secara formal (mean bersijil). Tapi saya study sendiri, revise a lot, follow banyak ecourse dari Internet Marketer yang ternama, praktikkan, cuba sendiri. Secara tak formal banyak.

Satu benda yang saya nak attributkan kejayaan saya pada hari ini, bukan juga atas usaha saya semata-mata belajar sendiri. Saya tak akan capai tahap ini berseorangan walau sekeras mana pun saya belajar sendiri dan tak akan tahu apa yang saya tahu sekarang jika saya tidak dibantu oleh beberapa budiman yang saya kenal melalui Internet. Saya banyak dibimbing dan dibantu oleh mentor-mentor saya dalam Olympic Mastermind Group. Saya berada di tempat yang betul, pada masa yang betul.

**Syazwan:** Saya langsung buta IT waktu mula-mula dulu. Saya banyak belajar dari pengalaman belajar sendiri-sendiri bersama Sabri. Kami memang banyak invest kepada growing our internet business. Beli mcm e-course e-book, cd dan macam-macam lagi.

Satu lagi kami mempunyai mentor-mentor sendiri di kalangan mat saleh yang dah mempunyai bisnes internet (Olympic Mastermind Group). Mentor-mentor ini memang sentiasa menolong kami di waktu awal-awal kami dalam bidang ini. Yalah, dulu, susah dan memang mungkin tidak ada maklumat-maklumat internet bisnes yang boleh didapati di Malaysia. Nak cari mentor pun belum tentu jumpa.

Cumanya, kalau ada pendidikan formal, saya rasa tidaklah teraba-raba seperti kami pada mula-mula dulu.

**Anda bermula dengan pengetahuan yang terhad mengenai IT seperti laman web dan teknik-teknik perniagaan internet. Jadi, apakah yang telah saudara berdua lakukan untuk mengatasi 'masalah' atau kekangan ini?**

**Sabri:** Praktis, praktis dan praktis.

Semua orang buat laman web pertamanya buruk. Secara jujur. Siapa laman web first dia cantik dan perfect, lebih baik dari laman web dia yang ke 2, ke 3 dan seterusnya, saya tabik spring 100x dan akan belanja dia makan 40 hari 40 malam ;) Selalunya laman web pertama kita adalah laman web yg paling buruk. Laman web kedua improve sikit, ketiga improve lagi dan seterusnya.

Kemudiannya, jangan cari jalan singkat. Contohnya, memang ada WYSWYG html editor di pasaran. Tapi sekali sekala, viewlah codenya. Cuba tengok apa kalau sentuh ini jadi apa, sentuh itu jadi apa.

(syazwan&amp;sabri)

**SAIFULSHAM.COM**Oleh: Mohd Zulfadli bin Suddin  
a.k.a smartzulWeb : [www.smartusaha.com](http://www.smartusaha.com)

Sebenarnya saya banyak belajar mengenai programming setelah saya ada blog personal. Saya tak nak blog saya macam orang lain. Saya nak blog yang lawa. Jadi saya kena cari template yang lawa. Template yang lawa kena modify sendiri. So, saya kena lah belajar sendiri.

Oh ya, jika ada satu rahsia yang boleh dikongsi, ini rahsia bernilai RM 1000 dari saya. "Baca file README sebelum buat apa2".

File tersebut dinamakan README ada tujuannya. Jadikan habit dan anda akan dapati lama-kelamaan pengetahuan anda akan bertambah berkali-kali ganda.

**Salah satu faktor yang menyebabkan seseorang itu terbantut usahanya untuk melakukan bisnes internet adalah tidak tahu IT. Adakah 'alasan' tidak tahu IT wajar digunakan untuk menanggukkan keinginan membuka dan melaksanakan perniagaan internet? Apakah saranan anda?**

**Sabri:** Just do it. Truth. Kami pun macam tu jugak dulu. Tapi kami just do it. Dan jangan gatal-gatal nak guna short cut tanpa kisah harganya. There is not shortcut in internet business. Kami dulu ragu2 nak mulakan internet business. Tapi, Syazwan kata. Buat je. Rugi takpe. Lagi baik dari beli rokok. Kami pun start di Ebay. Lumayan.

Kami takut nak start website. Syazwan kata lagi. Buat je. Rugi takpe. Lagi baik dari beli rokok. Lumayan. Begitulah seterusnya.

**Syazwan:** Kesukaran boleh diatasi. Seperti yang kami terangkan dalam buku kami, jangan takut apabila menghadapi kesukaran kerana kesukaran itulah sebenarnya mendekatkan diri kita dengan kejayaan.

Satu lagi, di Malaysia sudah ramai ininternet marketer yang sudah muncul yang sedia memberi bimbingan kepada kita. Irfan Khairi sedia beri tunjuk ajar, wangcyber.com sendiri mewujudkan ruangan khas untuk berbincang apa jua masalah dalam bisnes internet, tuahemas.com pun menambahkan lagi kelengkapan untuk berbincang, smartusaha.com pun satu ruangan yang cukup bagus, kidino, dan ramai lagilah.

Saya rasa mereka ini semua sedia membantu bagi newbie-newbie.

Kalau nak dibandingkan tahap kesusahan kami sewaktu ketika dahulu, saya rasa rakyat Malaysia yang lain lebih bertuah dari kami berdua kerana waktu kami dahulu, susahna untuk belajar internet bisnes.

Pernah satu ketika, ketika saya masih kabur akan fungsi payment processor, saya sanggup turun ke Kuala Lumpur untuk ke pejabat Citibank semata-mata ingin mendapatkan penjelasan lanjut mengenai bank Amerika (sewaktu itu kami nak gunakan Paypal). Saya siap bertanya apakah boleh rakyat Amerika memindahkan bayaran ke akaun Citibank di Malaysia.

Akhirnya, pihak Citibank memberikan jawapan kepada saya. Walaupun balik tanpa dapat berbuat apa-apa, tetapi saya puas. Saya sanggup tempuhi kesusahan dan bersabar kerana saya tahu, hanya dengan cara itu sahaja kalau kita nak berjaya.

**Berapakah modal permulaan pada awal penglibatan anda di dalam bidang perniagaan ini?**

**Sabri:** RM 0. Kami bermula di Ebay. Kamilah pioneer (pendahulu) untuk produk tu. Sebelum kami masuk ada orang yang menjual produk tersebut secara kecil-kecilan tapi tak nampak hasil. Kami masuk dengan agresif. Listing pelbagai variasi dan alhamdulillah, jualan sungguh kencang.

Keuntungan kami tak belanjakan sesen pun. Kami bina sebuah laman web ecommerce pula. Setelah beberapa bulan, persaingan tiba-tiba membanjiri Ebay dengan memotong harga. Berniaga di Ebay tidak lagi kompetitif utk produk tersebut. Tambahan pula, laman web kami semakin menunjukkan hasil. Kami pun menumpukan kepada laman web kami.

Ketika nak mulakan website ecommerce pertama kami, kami reinvest dalam RM300.

**Syazwan:** Kami bermula tanpa modal sesen pun. Tiada meminjam sesiapa pun. Destinasi pertama kami adalah eBay. Selepas mencatatkan keuntungan di eBay, perlahan-lahan kami belajar membina laman e-commerce dengan duit keuntungan di eBay.

Reinvest tu memang penting. Amat-amat penting. Kami buat satu akaun bank khas untuk perniagaan internet. Setiap keluar masuk duit kami kawal.

Saya bersetuju dengan Sabri, memang modal awal kami hanyalah sekitar RM 300 untuk sebuah laman web e-commerce Itu adalah modal asas (termasuk payment processor). Selepas laman web tersebut berjaya mencatatkan keuntungan, kami akan gunakan duit keuntungan untuk menambah baik laman web tersebut (contohnya: membeli autoresponder yang lebih baik) dan juga kami gunakan untuk menambah lagi laman web perniagaan kami.

bersambung.. untuk mendapatkan temubual yang lengkap, sila download di <http://www.wangcyber.com/temubual>